

Maksudnya: Dan dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon korma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya pada hari memetik hasilnya (dengan disedekahkan kepada fakir miskin); dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.

Manakala dalam penciptaan binatang pula Allah SWT berfirman:



¹ al-An‘a:m, 6:141.


الجلالين: وهو الذي أنشأ خلق جنات بساتين معروشات مبسوطات على الأرض كالبطيخ وغير معروشات بأن ارتفعت على ساق كالنخل و أنشأ النخل والزرع مختلفا أكله ثمرة وجبه في الهيئة والطعم والزيتون والرومان متشابهما ورقهما حال وغير متشابه طعمهما كلوا من ثمرة إذا أثمر قبل النضج وآتوا حقه زكاته يوم حصاده بالفتح والكسر من العشر أو نصفه ولا تسرفوا بإعطاء كله فلا يبقى لعيالكم شيء إنه لا يحب المسرفين المتجاوزين ما حد لهم.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=6&TafseerNo=1&yaNo=141>(Oktober 2007)

² Gha:fir, 40:79.

Maksudnya: Allahlah yang menjadikan binatang ternakan untuk kamu, sebahagiannya untuk kamu kenderai dan sebahagiannya untuk kamu makan.

Pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan sentiasa ada dan terjamin sepertimana yang dijanjikan oleh Allah dan tidak sedikit pun mengancam nyawa manusia. Bahkan ketiadaannya akan membuat kehidupan dan kelangsungan manusia menjadi terganggu. Justeru manusia diminta supaya menjaga segala kurniaan Allah itu dengan sebaik-baiknya. Oleh sebab kelalaian, kecuaiian serta kerakusan manusia berlakulah berbagai-bagai kerosakan dan kemusnahan sepertimana yang telah disebutkan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya:



الطيري: يقول تعالى ذكره الله الذي لا تصلح الألوهة إلا له أيها المشركون به من قريش الذي جعل لكم الأنعام من الإبل والبقر والغنم والخيل ، وغير ذلك من البهائم التي يقتنيها أهل الإسلام لمركب أو ل مطعم لتركبوا منها يعني : الخيل والحمير ومنها تأكلون يعني الإبل والبقر والغنم . وقال : لتركبوا منها ومعناه : لتركبوا منها بعضاً ومنها بعضاً تأكلون ، فحذف إستغناءً بدلالة الكلام على ما حذف .

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=40&TafseerNo=1&ayaNo=79> (Oktober 2007)

¹ al-Ru:m, 30:41

البيغوي: ظهر الفساد في البر والبحر ، يعني: فحط المطر وقلة النبات، وأراد بالبر البوادي والمفاوز، وبالبحر المدائن والقرى التي هي على المياه الجارية. قال عكرمة : العرب تسمي المصير بجرأ، تقول: أجذب البر وانقطعت مادة البحر، بما كسبت أيدي الناس ، أي: بشؤم ذنوبهم، وقال عطية وغيره: البر ظهر الأرض من الأمصار وغيرها، والبحر هو البحر المعروف، وقلة المطر كما تؤثر في البر تؤثر في البحر فتحلوا أجواف الأصداف لأن الصدف إذا جاء المطر يرتفع إلى وجه البحر ويفتح فاه فما يقع في فيه من المطر صار لؤلؤاً.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=30&TafseerNo=1&ayaNo=41> (Oktober 2007)


Maksudnya :Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

Dengan demikian perlulah bagi semua manusia menjaga khazanah alam ini dengan sebaik-baiknya kerana ia telah membekal dan memberikan kepada manusia tempat berteduh, hasil dan makanan serta keperluan-keperluan lain.

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa tumbuh-tumbuhan tidak sedikit pun mengancam kehidupan manusia, dan ini berbeza sekali dengan haiwan, terutama sekali yang hidup di darat. Ia membuat jiwa manusia mempunyai perasaan yang berbeza-beza, berbalik-balik dan bertukar ganti antara cemas, takut, tenang, senang, bangga dan lain-lain.

Contohnya, binatang buas seperti harimau, singa, buaya, ular bisa semuanya ini mengundang rasa cemas dan takut dalam hati sanubari manusia lantaran ia boleh mencederakan bahkan boleh membawa kepada kematian. Manakala binatang-binatang jinak dan terlatih pula seperti lembu, kerbau, unta, kuda dan sebagainya boleh memberikan ketenangan dan kesenangan. Hal ini kerana binatang-binatang jenis ini banyak membantu manusia dalam menjalankan dan meringankan bebanan kehidupan mereka. Manakala binatang-binatang tertentu pula antaranya

kuda dan gajah menjadi kebanggaan kepada manusia. Keadaan ini sepertimana yang telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam firman-Nya:




Maksudnya : Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita, anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, **kuda pilihan**, binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allahlah tempat kembali yang baik (syurga).

Ayat ini menerangkan bahawa kuda yang mempunyai ciri-ciri yang khusus adalah menjadi kesayangan dan menjadi kebanggaan kepada manusia, terutama sekali dalam kalangan bangsawan Arab.

Dalam surat al-‘A:diyati Allah bersumpah dengan menggunakan kuda. Ini memberikan gambaran kepada kita bahawa hubungan dan kaitan manusia dengan binatang itu adalah sangat kuat, sepertimana dalam firman-Nya:



¹A:l ‘Imra:n, 3:14



Maksudnya: Demi kuda perang yang berlari kencang dengan terengah-engah, dan kuda yang mencetuskan api dengan pukulan (kuku kakinya), dan kuda yang menyerang dengan tiba-tiba pada waktu pagi. Maka ia menerbangkan debu, dan menyerbu ke tengah-tengah kumpulan musuh.

Itulah dia beberapa gambaran tentang kaitan ataupun hubungan manusia dengan sesetengah binatang seperti yang digambarkan oleh al-Qur'an al-Karim.

4.1 Binatang-binatang buruan Mengikut Gambaran al-Qur'an

Sehubungan dengan ini Allah menjelaskan di dalam banyak tempat dalam al-Quran mengenai faedah yang boleh didapati oleh manusia daripada makhluk yang dinamakan binatang atau haiwan itu. Antaranya ialah:



¹ al-'A:diya:t, 100: 1- 5

الجلالين: 1 والعاديات الخيل تعدو في الغزو وتضبح ضبحاً هو صوت أجوافها إذا عدت. 2 فالموريات الخيل توري النار قدحاً بجوافرها إذا سارت في الأرض ذات الحجارة بالليل. 3 فالمغبرات صبحاً الخيل تغير على العدو وقت الصبح بإغارة أصحابها. 4 فأثرن هيجن به بمكان عدوهم أو بذلك الوقت نقعاً غباراً بشدة حركتهم. 5 فوسطن به بالنقع جمعاً من العدو، أي صرن وسطه وعطف الفعل على الاسم لأنه في تأويل الفعل أي واللاتي عدون فأورين فأغرن.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=100&TafseerNo=1&ayaNo=1> (Oktober 2007)


² al-Nahl, 16:5

Maksudnya: “Dan dia telah menciptakan binatang ternakan untuk kamu; padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat, dan sebahagiannya untuk kamu makan”.

Ayat di atas menjelaskan bahawa binatang ciptaan Allah itu terlalu banyak memberi manfaat kepada berbagai-bagai aspek kehidupan manusia. Dalam memperoleh manfaat daripada binatang ini manusia hendaklah terlebih dahulu bekerja dan berusaha membanting tenaga dan memerah keringat seperti memelihara , menternak, melatih dan tidak kurang juga usaha ke arah itu, iaitu melalui pemburuan.


Selain daripada kurniaan Allah kepada alam semula jadi secara umumnya ayat di atas juga menunjukkan bahawa binatang-binatang itu secara khususnya merupakan kurniaan istimewa daripada Allah SWT kepada manusia. Manusia adalah makhluk Allah yang dipilih oleh Allah sebagai khalifat-Nya di atas muka bumi ini.

Ini sepertimana firman-Nya:



البغوي: قوله تعالى والأنعام خلقها ، يعني الإبل والبقر والغنم، لكم فيها دفاء يعني: من أوبارها وأشعارها وأصوافها ملابس ولحفاً تستدفنون بها، ومنافع ، بالنسل والدر والركوب والحمل وغيرها ومنها تأكلون ، يعني لحومها.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=16&TafseerNo=1&ayaNo=5> (Oktober 2007)



Maksudnya: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat:
"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka
berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang
akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami
sentiasa bertasbih dengan memuji engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan
berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

Manakala dalam menerangkan fungsi dan faedah binatang kepada kehidupan
manusia yang telah dipilih sebagai khalifhnya ini, Allah SWT seterusnya
berfirman:




¹al-Baqaraṭ, 2:30.

الجلالين: و اذكر يا محمد إذ قال ربك للملائكة إني جاعل في الأرض خليفة يخلفني في تنفيذ أحكامي فيها وهو آدم قالوا أتجعل فيها من يفسد
فيها بالمعاصي ويسفك الدماء يريقها بالقتل كما فعل بنو الجن وكانوا فيها فلما أفسدوا أرسل الله عليهم الملائكة فطردوهم إلى الجزائر والجبال
ونحن نسيح متلبسين بمحمدك أي نقول سبحان الله وبحمده ونقدس لك نزهك عما لا يليق بك فاللام زائدة والجملة حال أي فنحن أحق
بالاستخلاف قال تعالى إني أعلم ما لا تعلمون من المصلحة في استخلاف آدم وأن ذريته فيهم المطيع والعاصي فيظهر العدل بينهم فقالوا لن
يخلق ربنا خلقاً أكرم عليه منا ولا أعلم لسبقنا له ورؤيتنا ما لم يره فخلق الله تعالى آدم من أديم الأرض أي وجهها، بأن قبض منها قبضة من
جميع ألوانها وعمجت بالمياه المختلفة وسواه ونفخ فيه الروح فصار حيواناً حساساً بعد أن كان جماداً.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showsinglepage.php?Pageno=6> (Oktober 2007)

harus sama sekali sampai ke peringkat melampau dan keterlaluan, sehingga ia sampai ke peringkat yang boleh disifatkan sebagai pengikut syaitan.

Seterusnya dalam menerangkan kedudukan dan perbezaan antara binatang ternakan dengan binatang buruan Allah SWT berfirman:



Maksudnya “Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternakan, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya”.


¹al-Ma:’idaṭ, 5:1

الجلالين: يا أيها الذين آمنوا أوفوا بالعقود المؤكدة التي بينكم وبين الله والناس أحلت لكم بهيمة الأنعام الإبل والبقر والغنم أكلا بعد الذبح إلا ما يتلى عليكم (القرطي): والمنخنقة والموقوذة والمتريدة والنطيحة وما أكل السبع ، وما ذبح على النصب وأن تستقسموا بالأزلام ، وما علمتم من الجوارح مكلبين (تحريمه في حرمت عليكم الميتة الآية فالاستثناء منقطع ويجوز أن يكون متصلا والتحریم لما عرض من الموت ونحوه غير محلي الصيد وأنتم حرم أي محرمون ونصب غير على الحال من ضمير لكم إن الله يحكم ما يريد من التحريم وغيره لا اعتراض عليه.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=5&TafseerNo=1&ayaNo=1> (Oktober 2007)

Difahami daripada ayat di atas bahawa binatang ternakan boleh dimakan bila-bila masa sahaja tanpa ada had dan batas waktu tertentu. Manakala binatang buruan dilarang daripada memakannya semasa mengerjakan fardu haji. Bahkan perbuatan memburu itu sendiri merupakan sesuatu yang dilarang keras ketika mengerjakan fardhu haji. Hal ini adalah kerana perbuatan memburu itu boleh menjejaskan ibadat tersebut.

Seterusnya Allah SWT menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai berbagai-bagai manfaat yang diperolehi oleh manusia daripada binatang ternakan. Firman-Nya:




Maksudnya “Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal dan dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah (khemah-khemah) dari kulit binatang ternakan yang kamu merasa ringan (membawa)nya pada waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim dan (dijadikannya pula) dari bulu biri-biri,

¹ al-Nahl, 16:80

bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah dan perhiasan (yang kamu pakai) sampai waktu (tertentu).”

Ayat yang berikut Allah SWT menerangkan keujudan berbagai-bagai jenis binatang ternakan yang hidup melata di atas muka bumi ini. Firman-Nya:




Maksudnya: Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang melata dan binatang ternakan ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Yang dimaksudkan dengan ulama dalam ayat ini ialah orang-orang yang berpengetahuan dan mengetahui kebesaran dan kekuasaan Allah.

Seterusnya dalam ayat yang berikut Allah menerangkan bahawa binatang ternakan itu diciptakan-Nya berpasang-pasangan, ini seperti yang terdapat dalam firman-Nya:

¹ Fa:tir, 35:28



Maksudnya : “Dia menciptakan kamu dari seorang diri. Kemudian dia menjadikan daripadanya isterinya dan dia menurunkan untuk kamu lapan pasang dari binatang ternakan. Dia menjadikan kamu dalam perut ibumu kejadian demi kejadian dalam tiga kegelapan. yang (menciptakan) demikian itu adalah Allah, Tuhan kamu, Tuhan yang mempunyai kerajaan. tidak ada Tuhan selain Dia; maka bagaimana kamu dapat dipalingkan?”

Seterusnya aspek penciptaan binatang ternakan turut dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang berikut:



¹ al-Zumar, 39:6

² Ya:si:n, 36:71

القرطبي: قوله تعالى : أولم يروا أنا خلقنا لهم هذه رؤية القلب ، أي أو لم ينظروا ويعتبروا ويتفكروا . مما عملت أيدينا أي مما أبدعناه وعملنا من غير واسطة ولا وكالة ولا شركة . و < ما > بمعنى الذي وحذفت الهاء لطول الإسم وإن جعلت < ما > مصدرية لم تحتج إلى إضمار الهاء .

أنعاماً جمع نعم والنعم مذكر . فهم لها مالكون ضابطون قاهرون

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=36&TafseerNo=1&ayaNo=71> (Oktober 2007)

Maksudnya :”Dan apakah mereka tidak melihat bahawa Sesungguhnya Kami telah menciptakan binatang ternakan untuk mereka iaitu sebahagian daripada apa yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami sendiri, lalu mereka menguasainya?”

Manakala dalam ayat berikut pula Allah memerintahkan semua hamba-Nya menggunakan kurniaan-Nya itu dengan penuh bijaksana, firman-Nya:




Maksudnya: “Makan dan gembalakanlah binatang-binatangmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu, terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang berakal.”

Dalam beberapa ayat yang berikut ini pula Allah SWT menerangkan binatang-binatang (sama ada binatang buruan ataupun binatang ternakan) mengenai kedudukannya dalam Syariat Islam, iaitu yang mana satu halal dan yang mana satu haram, yang mana boleh dimakan dan yang sebaliknya.


Sehubungan dengan Allah SWT berfirman:

¹ Ta:ha, 30:54




Maksudnya: “Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah [darah yang keluar dari tubuh, (sebagaimana tersebut dalam surat al-An‘a:m ayat 145)², daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama yang lain selain dari Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelihnya [maksudnya binatang yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas adalah halal kalau sempat disembelih sebelum mati], dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala.

Seterusnya dalam ayat yang berikut Allah menerangkan sesuatu yang halal dengan menyentuh sesuatu yang berkaitan dengan perburuan, firman-Nya:



¹ al-Ma:’idat, 5:3.
² al-An‘a:m, 6:145.



Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu: "Apakah yang diharamkan bagi mereka?". Katakanlah: "Diharamkan bagimu yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu; kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu [yaitu: buruan yang ditangkap oleh binatang buas semata-mata untukmu dan tidak dimakan sedikitpun oleh binatang itu.], dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu (waktu melepaskannya)[Maksudnya: pada waktu melepaskan binatang buas itu disebut nama Allah sebagai ganti binatang buruan itu sendiri menyebutkan waktu menerkam buruan.]. dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat cepat hisab-Nya”.

Dimaksudkan dengan binatang buas ialah binatang buas yang dilatih menurut kepandaian yang diperolehnya dari pengalaman; fikiran manusia dan ilham dari Allah tentang melatih binatang buas dan cara berburu.

Ayat-ayat di atas menunjukkan kepada kita betapa kuatnya kaitan antara manusia ataupun orang-orang pada zaman silam dengan binatang, dan ini tidak terkecuali bagi orang-orang Arab terutama sekali Arab Jahiliyah.

¹ al-Ma:’idat, 5:4.


Orang Arab Jahiliyah bukanlah umat yang baru dalam kalangan umat manusia dan yang demikian juga perburuan merupakan satu tradisi turun-temurun. Ia adalah fenomena untuk memenuhi keperluan hidup dan keperluan peribadi. Ia juga membawa kepada kepuasan, keselesaan dan kenikmatan. Keadaan ini menyebabkan sebahagian orientalis menyifatkan aktiviti perburuan sebagai permainan atau sukan kaum Arab Jahiliyah. Dalam aspek memenuhi keperluan hidup, daging binatang buruan menjadi penyelamat dari kelaparan. Tulangnya pula dijadikan sebagai bahan pembakar menjauhkan diri daripada kesejukan, manakala lemak binatang buruan pula dijadikan bahan bakar pelita untuk menerangi malam yang gelap, bulunya pula ditunen untuk dijadikan pakaian, hampan dan peneduh daripada kepanasan, manakala kulit dijadikan hampan, tempat penyimpanan air dan keperluan-keperluan hidup yang lain.

Suatu keadaan yang berbeza yang perlu disebut di sini antara zaman jahiliyah dengan zaman moden ini dari segi kedudukan dan pengkelasan binatang sama ada binatang ternakan atau binatang buruan ialah terdapatnya daripada spesis yang sama binatang-binatang ternakan itu binatang-binatang liar atau binatang buruan. Contohnya: lembu ternakan dan lembu liar, kambing ternakan dan kambing liar, unta ternakan dan unta liar, kuda ternakan dan kuda liar, ayam ternakan dan ayam liar dan lain-lain lagi.

4.2 Memburu Mengikut Gambaran al-Qur'an

Sebelum ini penulis memaparkan ayat al-Qur'an yang menyebut atau menerangkan binatang ternakan dan binatang-binatang buruan. Di samping itu al-Qur'an juga banyak menerangkan aktiviti perburuan, sama ada dalam menerangkan hukum-hakam yang berkaitan, menyatakan batasan-batasan, peraturan-peraturan dan lain lagi.

Firman Allah SWT:



Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternakan, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (Yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya.”

Ayat ini dikemukakan oleh penulis sebelum ini dalam perkara yang berkaitan dengan gambaran al-Qur'an tentang binatang-binatang. Manakala pada kali ini


¹ al-Ma:’idat, 5:1.

penulis mengemukakan ayat ini dalam konteks yang berbeza iaitu gambaran mengenai perburuan dalam al-Quran.

Dalam ayat di atas Allah SWT telah mengehend dan membataskan aktiviti memburu ketika seseorang itu berada di luar masa menunaikan haji sahaja. Manakala ketika melakukan ibadat haji seseorang itu dilarang keras daripada melakukan aktiviti perburuan.

Keadaan ini menampakkan kepada kita suatu gambaran bahawa aktiviti pemburuan itu merupakan sesuatu yang biasa dan lumrah dalam kehidupan orang-orang Arab sama ada dalam kalangan orang-orang Arab Jahiliyah dan Islam.

Seterusnya dalam konteks yang berkaitan, Allah SWT berfirman:



¹ al-Ma:’idat 5:2


Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang had-ya, dan binatang-binatang qalaa-id, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia (keuntungan yang diberikan Allah dalam perniagaan. keredhaan dari Allah ialah: pahala amalan haji.) dan keredhaan dari Tuhannya **dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, Maka bolehlah berburu.**

Dimaksudkan dengan Syiar Allah ialah segala amalan yang dilakukan dalam rangka ibadat haji dan tempat-tempat mengerjakannya. Dan maksud bulan Haram ialah bulan Zulkaidah, Zulhijjah, Muharram dan Rajab, tanah Haram Mekah. Dalam bulan-bulan tersebut dilarang melakukan peperangan.

Manakala Had-ya ialah binatang-binatang ternakan yang terdiri daripada (unta, lembu, kambing, biri-biri) yang dibawa ke ka'bah untuk mendekati diri kepada Allah, disembelih di Tanah Haram dan dagingnya dihadiahkan kepada fakir miskin dalam rangka ibadat haji. Dan Qala:id pula ialah: binatang had-ya yang diberi kalung, supaya diketahui orang bahawa binatang itu telah diperuntukkan untuk dibawa ke Kaabah.

Dalam ayat yang bermaksud “dan apabila kamu telah selesai dalam melakukan ibadah haji, maka bolehlah kamu memburu”, ditunjukkan aktiviti memburu sesuatu yang biasa dilakukan oleh orang-orang Arab.

Seterusnya di dalam menerangkan perkara yang berkaitan dengan perburuan Allah SWT berfirman:



Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sesuatu dari binatang buruan yang mudah didapati oleh tangan dan tombakmu, supaya Allah mengetahui orang yang takut kepadanya, biarpun ia tidak dapat melihatnya. barang siapa yang melanggar batas sesudah itu, maka baginya azab yang pedih.”


Allah menguji kaum Muslimin yang sedang mengerjakan ihram dengan melepaskan binatang-binatang buruan, hingga mudah ditangkap.

¹ al-Ma:’idat, 5:94

Apa yang dimaksudkan dengan binatang buruan ialah semua jenis binatang buruan sama ada yang boleh dimakan atau tidak, kecuali burung gagak, burung helang, kalajengking, tikus dan anjing buas. dalam suatu riwayat termasuk juga ular.

Had-ya ialah binatang (unta, lembu, kambing, biri-biri) yang dibawa ke ka'bah untuk mendekatkan diri kepada Allah, disembelih di Tanah Haram dan dagingnya dihadiahkan kepada fakir miskin dalam rangka ibadat haji.

Dalam ayat berikut pula Allah SWT menerangkan buruan laut. Firman-Nya:



Maksudnya: “Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nyalah kamu akan dikumpulkan”.

¹ al-Ma:’idat 5:96.

Maksud dari binatang buruan laut ialah yang diperoleh dengan jalan usaha seperti mengail, memukat dan sebagainya. termasuk juga dalam pengertian laut di sini ialah sungai, danau, kolam dan sebagainya. Termasuk dalam kategori ikan ialah binatang laut yang diperoleh dengan mudah, kerana telah mati terapung atau terdampar di pantai dan sebagainya.

4.3 Binatang-binatang Dan Pemburuan Mengikut Gambaran Hadis

Sepertimana dalam al-Qur'an, dalam Hadis Nabi juga banyak diterangkan aktiviti pemburuan, binatang-binatang buruan, alat pemburuan yang terdiri daripada peralatan, binatang-binatang terlatih seperti anjing dan burung helang, hukum-hukum mengenai binatang buruan dari berbagai-bagai keadaan yang terhasil daripada aktiviti perburuan tersebut. Malah yang menjadi tujuan utama dalam periwayatan Hadis adalah untuk menjelaskan hukum. Ini bersesuaian dengan salah satu peranan Hadis, ialah untuk menerangkan dan menjelaskan hukum bagi sesuatu yang tidak diterangkan dalam al-Qur'an.

Terdapat bermacam-macam sebab yang membawa kepada kemunculan sesuatu Hadis Rasulullah SAW. Antaranya: keinginan Baginda sendiri untuk menerangkan sesuatu hukum atau sesuatu keadaan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Manakala yang banyak berlaku adalah sebagai respons kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh para sahabat Baginda pada ketika itu. Di bawah ini dibentangkan beberapa Hadis yang berkaitan.

Hadis Pertama:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ قَالَ : (سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمِعْرَاضِ فَقَالَ إِذَا أَصَابَ بِحَدِّهِ فَكُلْ وَإِذَا أَصَابَ بِعَرْضِهِ فَمُتِلْ فَإِنَّهُ وَقِيدٌ فَلَا تَأْكُلْ وَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْكَلْبِ فَقَالَ إِذَا أُرْسِلَتْ كَلْبِكَ وَذَكَرْتَ إِسْمَ اللَّهِ فَكُلْ فَإِنْ أَكَلَ مِنْهُ فَلَا تَأْكُلْ فَإِنَّهُ إِنَّمَا أَمْسَكَ عَلَى نَفْسِهِ، قُلْتُ فَإِنْ وَجَدْتُ مَعَ كَلْبِي كَلْبًا آخَرَ فَلَا أَذْرِي أَيُّهُمَا أَخَذَهُ قَالَ فَلَا تَأْكُلْ فَإِنَّمَا سَمِيتَ عَلَى كَلْبِكَ وَلَمْ تُسَمِّ عَلَى غَيْرِهِ).¹

Dari 'Adiyy bin Ha:tim (r.a)., katanya: Saya bertanya kepada Rasulullah SAW. tentang mi'radh (iaitu buruan yang terbunuh bukan dengan mata anak panah, tetapi mati kerana terkena gagangnya dalam bentuk melintang). Beliau berkata: "Kalau engkau mengenai binatang buruan dengan mata anak panah, makanlah! Tetapi kalau engkau mengenainya dengan gagang anak panah, lalu binatang buruan ini mati, maka ini namanya waqiz, iaitu binatang yang mati kerana terbunuh, dan jangan dimakan." Saya bertanya: "Kalau saya melepaskan anjing untuk berburu?" Nabi menjawab: "Kalau engkau melepaskan anjingmu untuk berburu dan engkau menyebut nama Allah, maka makanlah binatang yang ditangkapnya!" Saya bertanya lagi: "Kalau anjing itu makan binatang itu?" Rasul menjawab: "Jangan engkau makan, kerana anjing itu menangkap buruan itu untuk dirinya dan bukan untuk engkau." Saya bertanya lagi: "Kalau saya melepaskan anjing saya untuk berburu, lalu saya dapati bersamanya ada anjing lain?" Rasul menjawab: "Jangan engkau makan binatang yang ditangkapnya, kerana engkau menyebutkan nama

حديث رقم: 1929 صحيح مسلم ، كتاب الصيد والذبائح وما يؤكل من الحيوان باب الصيد بالكلاب المعلمة.¹
<http://www.islamweb.net/> (2007)

Allah untuk anjingmu saja. Engkau tidak menyebutkan nama Allah untuk anjing yang lain itu."¹

Manakala dalam matan yang lain pula terdapat tambahan seperti berikut:

“Kalau engkau memanah binatang buruan, lalu setelah sehari atau dua hari baru engkau temukan, dan hanya terdapat bekas anak panahmu saja, makanlah! Akan tetapi kalau jatuh ke dalam air, jangan dimakan!”²

Berikut ini beberapa Hadis lain yang berkaitan dengan pemburuan, dan dikemukakan terjemahan atau maksud secara langsungnya.

Hadis Kedua: Dari Ibnu Abbas (r.a), katanya Nabi SAW. bersabda: "Dijadikan Allah Mekah sebagai Tanah Haram (suci). Maka kerana itu tidak halal bagi seseorang sebelumku dan tidak pula sesudahku. Hanya dihalalkan untukku sesaat pada waktu siang. Tidak halal mencabut tumbuh-tumbuhannya, memotong pohon-pohonnya, memburu haiwan buruannya, dan mengambil barang orang yang kehilangan kecuali untuk pemberitahuan." Abbas bertanya, "Bagaimana dengan

¹ Hadis Sahih Bukhari Jld.. 4. Hadis Nombor 1638.

Lihat juga: Hadis Sahih Muslim Jld. 4. Hadis Nombor 1885. dan Hadis Sahih Muslim Jld. 4. Hadis Nombor 1881. dan: Hadis Sunan An Nasa'iy Jld. <http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/> (April 2007) Jld. 4. Hadis Nombor 4111. <http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/>

² Hadis Sahih Bukhari Jld. 4. Hadis Nombor 1640.

<http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/>(April 2007)

izkhir yang kami ambil untuk tukang logam dan untuk kuburan kami?" Jawab Nabi SAW., "Kecuali izkhir."¹

Hadis Ketiga: Dari Abu Qatadah (r.a.), katanya: "Pada tahun Hudaibiyah, kami pergi bersama-sama dengan Nabi SAW. Para sahabat telah berihram sedangkan saya belum. Sementara itu, diberitakan kepada kami, bahwa musuh berada di Ghaiqah, lalu kami menuju ke tempat mereka itu berada. Tiba-tiba temanku melihat seekor himar (keledai) liar, lalu mereka tertawa bersama-sama. Oleh itu aku melihat dan memerhati himar itu. Lalu kupacu kudaku memburu himar itu, dan ia dapat kutikam sehingga ia tidak dapat lagi berjalan. Aku minta tolong kepada mereka (untuk mengurus keledai itu), tetapi mereka enggan menolong. Namun akhirnya, keledai itu kami makan bersama-sama. Sesudah itu aku pergi menyusul Rasulullah SAW dan kami khawatir akan diserbu musuh. Oleh sebab itu kadang-kadang kupacu kudaku dan kadang-kadang kulambatkan. Tengah malam, aku bertemu dengan seorang laki-laki dari Bani Ghiffar. Saya bertanya kepadanya, "Di mana engkau tinggalkan Rasulullah SAW.?" Jawabnya, "Saya tinggalkan beliau di Tan`im dan beliau bermaksud akan beristirahat di Suq-ya." Aku pergi menyusul Rasulullah SAW. sehingga aku dapat bertemu dengan beliau. Ujarku, "Ya, Rasulullah! Sesungguhnya para sahabat mengirimku supaya menyampaikan salam, rahmat dan berkat Allah kepada Tuan. Mereka khatir kalau-kalau Tuan

¹Hadis Sahih Bukhari Jld. 2. Hadis Nombor 0697.
697 [http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/\(April 2007\)](http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/(April 2007))

diserang musuh dengan tiba-tiba. Oleh sebab itu sebaik-baiknya Tuan tunggulah mereka. Nabi SAW bersetuju menunggu mereka. Sementara itu aku berkata kepada baginda, "Ya, Rasulullah! (Dalam perjalanan) kami memburu keldai liar yang lalu dekat kami, dan masih ada sisanya pada kami." Sabda Rasulullah SAW., "Silakan kalian makan! Walaupun mereka yang sedang berihram."¹ "

Hadis Keempat: Dari Abu Hurairah (r.a.), katanya: Rasulullah SAW. Bersabda: "Siapa yang memelihara anjing, selain anjing penjaga kebun atau penjaga ternakan, maka pahala amal orang itu berkurangan setiap hari satu qirath." Dalam satu riwayat lain: "selain anjing penjaga kambing, perkebunan atau untuk berburu."²

Hadis Kelima: Nashr bin Ali, Hannad dan Abu Amr menceritakan kepada kami, kami mendengar bahawa Isa bin Yunus dari Mujalid dari al-Sya'biyy dari Adiy bin Hatim, dia berkata: "Kami bertanya kepada Rasulullah SAW. tentang berburu dengan menggunakan burung helang. Lalu Nabi SAW. bersabda: "Makanlah apa yang dapat ia tangkap."³ Hadis ini hanya kita ketahui dari riwayat Mujalid daripada Sya`biy. Tentang pengamalan Hadis ini, para ulama berpendapat bahawa

¹ Hadis Sahih Bukhari, Jld. 2. Hadis Nombor 0892.
<http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/> (April 2007)

² Hadis Sahih Bukhari Jld. 3. Hadis Nombor 1128.
<http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/> (April 2007)

³ Hadis Sunan At Tirmidzi, Jld. 3. Hadis Nombor 1493.
<http://www.tmsk.uitm.edu.my/~ir/webhadis/> (April 2007)

tidak dilarang berburu dengan menggunakan helang dan rajawali. Imam Mujalid berkata: yang dimaksud dengan kata: Al-Buza:tu dalam Hadis ini, ialah burung buas yang digunakan untuk berburu berdasarkan firman Allah yang terjemahannya: "Mereka menanyakan kepadamu? Apakah yang diharamkan bagi mu yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajari dan latihan untuk berburu, kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu, dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu (waktu melepaskannya). Dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha cepat hisab perhitungannya"¹. Demikian firman Allah mengenai perburuan. Sebahagian ulama membolehkan memakan hasil buruan dari burung helang, di samping sebahagian lagi ada juga yang berpendapat makruh dimakan; Kebanyakan fuqaha mengatakan dimakan meskipun binatang buruan itu memakannya.

Hadis-hadis di atas bertujuan untuk memperincikan hukum-hukum yang berkaitan dengan pemburuan. Namun begitu selain daripada hukum-hukum yang berkaitan, Hadis-hadis di atas telah memberikan sedikit gambaran mengenai aktiviti pemburuan pada zaman pra-Islam dan zaman permulaan Islam dalam

¹ al-Ma:’ida, 5:4.

kalangan orang-orang Arab. Selain daripada itu ia turut memberikan gambaran secara langsung dan tidak langsung mengenai cara dan peralatan yang digunakan dalam melakukan aktiviti pemburuan.

Daripada Hadis-hadis yang dibentangkan di atas dapat dibuat kesimpulan seperti berikut:

- a- Jenis binatang buruan: Sebelum kedatangan Islam semua jenis binatang sama ada binatang buas ataupun lain-lain semuanya dijadikan binatang buruan. Setelah kedatangan Islam, Islam mengehadkan binatang buruan kepada apa yang telah dihalalkan oleh syarak sahaja.
- b- Tempat Pemburuan: Sebelum Islam semua tempat dijadikan tempat perburuan. Apabila datangnya Islam kawasan Tanah Haram merupakan kawasan larangan berburu.
- c- Kaedah Pemburuan: Terdapat berbagai-bagai kaedah dalam menjalankan perburuan sama ada dengan menggunakan alat perkakas, binatang-binatang terlatih seperti anjing dan burung helang dan cara serta kaedah yang lain lagi.
- d- Masa menunaikan haji dan berihram pemburuan adalah dilarang.

4.4 Perburuan Dalam Puisi Arab Jahiliyah

Gambaran tentang kebudayaan Arab banyak sekali terdapat di dalam puisi Arab Jahiliyah. Bahkan ramai orang berpendapat bahawa puisi adalah merupakan bank

yang menyimpan dan membekalkan data dan maklumat mengenai kehidupan orang-orang Arab pada zaman silam. Melalui puisilah maklumat-maklumat itu berpindah dari satu generasi ke satu generasi lain. Keadaan ini akan berterusan kepada generasi-generasi yang akan datang tanpa adanya sekatan dan batasan waktu.

Antara banyak jenis puisi itu, terdapat satu jenis puisi yang dinamakan شعر (شعر) (الوصف) ataupun puisi gambaran. Puisi ini pula terbahagi kepada beberapa cabang dan beberapa bahagian. Bahagian yang ada kaitannya dengan kajian ini ialah شعر (شعر) (الصيد) yang bermaksud puisi pemburuan. Bahagian ini juga turut dikenali dengan nama شعر الطرد (شعر الطرد) yang bermaksud puisi hambatan.

Puisi jenis ini telah mula terbentuk dan berkembang di kawasan-kawasan البادية (البادية) iaitu kawasan pedalaman Semenanjung Arab. Ramai penyair Arab yang telah melibatkan diri dalam menyusun dan mendeklamasikannya. Ia mempunyai ciri-ciri khusus dan tersendiri. Di samping itu ia juga mempunyai perawi-perawi yang khusus dalam bahagian ini.

Walaupun banyak, penulis merasakan memadai sekiranya dikemukakan di sini satu puisi yang telah dihasilkan oleh امرئ القيس (امرئ القيس). Beliau merupakan penyair Jahiliyah yang terulung. Manakala puisinya pula dianggap sebagai satu dokumen

yang relevan bagi sesiapa yang ingin membuat kajian dalam perkara yang berkaitan dengan pemburuan.

Di dalam puisinya itu beliau menggambarkan kebudayaan dan adat orang-orang Arab Jahiliyah serta perilaku dan nilai-nilai yang berkisar dalam kalangan mereka.

Perumpamaan-perumpamaan yang dibuat dalam menggambarkan situasi yang berlaku diambil dan diadaptasikan daripada alam fizikal dan juga khayalan yang berasaskan kepada alam realiti.¹

Keadaan ini menjadikan seseorang yang menikmati puisinya itu seolah-olah dapat menyaksikan dan mengalaminya sendiri segala peristiwa yang berlaku pada zaman silam itu.

Nama penuh امرئ القيس ialah حنجدج bin حجر bin الحارث dari golongan penyair Kindah. Beliau berasal daripada kabilah Bani Asad. Dengan demikian beliau memiliki kefasihan sepertimana yang dimiliki oleh individu-individu lain dalam kabilah ini. Beliau berada dalam kehidupan yang sama seperti anggota lain di dalam masyarakat ini.²

¹Ya'qu:b, jld.2, hlm.134.

²Ibra:him, hlm.29.

Bait-bait puisi yang berikut adalah gambaran yang dibawa kepada kita oleh امرى القيس dalam menerangkan salah satu aktiviti perburuan yang dialami dan dijalankan oleh beliau semasa hayatnya:¹

- | | |
|--|--|
| بِمُنَجَّرِدٍ قَيْدِ الْأَوَابِدِ هَيْكَلِ | 1- وَقَدْ أَغْتَدِي وَ الطَّيْرِ فِي وَ كُنَاتِهَا |
| كَجُلْمُودٍ صَخْرٍ حَطَّهُ السَّيْلُ مِنْ عَلِ | 2- مَكْرٌ مَقْرٌ مُقْبِلٌ مُدْبِرٌ مَعَا |
| كَمَا زَلَّتِ الصَّفْوَاءُ بِالْمِتَنَزَّلِ | 3- كُمَيْتٌ يَزُلُّ اللَّبْدُ عَنْ حَالِ مَتْنِهِ |
| أَتَزَنَ عُبَارًا بِالكَدِيدِ الْمَرَكَلِ | 4- مَسَحَ إِذَا مَا السَّابِحَاتُ عَلَى الْوَتَنِ |
| إِذَا جَاشَ فِيهِ حَمِيهُ عَلِيٍّ مَرْجَلِ | 5- عَلَى الْعَقَبِ جَيَّاشٌ كَأَنَّ إِهْتِرَامَهُ |
| وَ يُلَوِي بِأَثْوَابِ الْعَنِيفِ الْمُثَقَّلِ | 6- يُرِلُّ الْعُلَامَ الْحِفَّ عَنْ صَهْوَاتِهِ |
| تَقَلُّبُ كَفَيْهِ بِحَيْطِ مُوَصَّلِ | 7- دَرِيرٌ كَخَذَرُوفِ الْوَلِيدِ أَمْرُهُ |
| وَ إِزْحَاءُ سَرْحَانٍ وَ تَقْرِيْبُ تَتْفُلِ | 8- لَهُ أَيُّطَلَا ظَنِيٍّ وَ سَاقَا نَعَامَةٍ |
| مَدَاكَ عُرُوسٍ َ أَوْ صَرَايَةَ حَنْظَلِ | 9- كَأَنَّ عَلَى الْكَيْفَيْنِ مِنْهُ إِذَا انْحَى |
| عُصَارُهُ حِنَاءٍ بِشَيْبِ مَرْجَلِ | 10- كَأَنَّ دِمَاءَ الْهَادِيَاتِ بِنَحْرِهِ |
| عَدَارَى دُورٍ فِي الْمَلَاءِ الْمَذْبَلِ | 11- فَعَنَّ لَنَا سِرْبٌ كَأَنَّ نِعَاجَهُ |
| جَوَاحِرُهَا فِي صَرَّةٍ لَمْ تَزِيلِ | 12- فَالْحُمَّةُ بِالْهَادِيَاتِ وَدُونَهُ |
| مَتَى تَرَقَّ الْعَيْنُ فِيهِ تَسَقَّلِ | 13- وَرُحْنًا وَرَاحَ الطَّرْفُ يَنْفِضُ رَاسَهُ |
| وَبَاتَ بَعِيْنِي قَائِمًا غَيْرَ مُرْسَلِ | 14- فَبَاتَ عَلَيْهِ سَرْجُهُ وَ لِحَامُهُ |

Di dalam bait-bait di atas penyair memberikan gambaran yang menyeluruh tentang aktiviti perburuan yang dijalkannya. Ini bermula dengan permulaan pemburuan sehinggalah aktiviti itu selesai dengan jayanya. Berikut ini penulis

¹al-Asad, hlm.438. Lihat juga: Shawqi: Dayf, 1960, hlm.253-254.

menurunkan beberapa perkara yang berkaitan dengan aktiviti tersebut sepertimana yang diabadikan oleh penyair dalam puisinya itu:

1- Masa Permulaan Memburu

وَقَدْ اَعْتَدِي وَ الطَّيْرُ فِي وُ كُنَاتِهَا¹ مِّنْجَرَدٍ قَيْدِ الْاَوَابِدِ هَيْكَلِ

Dalam bait yang pertama ini penyair menceritakan aktiviti pemburuannya dan juga tentang kuda yang digunakannya untuk memburu. Penyair kadang-kadang berlepas keluar dengan menunggang kudanya yang sangat besar. Kudanya itu membawanya menuju ke tempat pemburuan pada awal pagi, yang mana pada ketika itu burung-burung masih lagi berada dalam sarangnya. Kuda itu terus berlari mara ke hadapan dan menjadikan binatang-binatang buruan seolah-olah berada dalam ikatannya tanpa mampu melepaskan dirinya lagi.

2- Gambaran Tentang Kecekapan Kuda Pemburu

مِكْرٌ مَّفْرٌ مُثْبِلٌ مُدْبِرٌ مَعًا² كَجُلْمُودٍ صَخْرٍ حَطَّةُ السَّيْلِ مِنْ عَلٍ

Dalam bait ini pula penyair menceritakan kemampuan luar biasa yang dimiliki oleh kuda itu, dimana ianya mampu menerkam dengan pantas dan mampu beundur dengan cepat dan pantas seolah-olah kedua-duanya dilakukan dengan serentak.

¹ اغتدي : ابكر . اغدو/وكناتها: مواضعها التي تبيت فيها / المنجد: الماضي في السير . او القليل الشعر/ قيد الاوابد : اذا ارسل على الاوابد قيدها أي صار لها قيد . والاوابد : الوحوش / الهيكل : هو الفرس العظيم الجسم

² مكر : يكر اذا اريد ذلك منه / مفر : يفر . مدبر اذا ادبر بعد اقباله / الجلمود : الصخرة العظيمه في اعلى الجبل / من عل : من فوق

Penyair seterusnya mengumpamakan pergerakan kudanya itu bagaikan sebuah batu besar yang ditolak arus deras jatuh menjunam dari puncak bukit.

عَلَى الْعَقْبِ جَيْشٍ كَانَ إِهْتِرَامَهُ¹ إِذَا جَاشَ فِيهِ حَمِيَهُ عَلِيٍّ مِرْجَلٍ

Bait ini memberi gambaran dimana kuda ini berlari dan terus berlari tanpa henti dan bunyinya seakan-akan periuk di atas dapur dengan isi kandungan yang sedang mendidih dan berapi.

مَسَحَ إِذَا مَا السَّابِحَاتُ عَلَى الْوَتِي² أَثْرَنَ غُبَارًا بِالْكَدِيدِ الْمُرْكَلِ

Gambaran daripada bait ini adalah tentang lariannya, apabila berlari pantas dan laju dengan menghulur dan melebarkan kakinya menyebabkan berterbangan debu dari atas tanah tempat dipijaknya itu.

يُرْلُ الْغُلَامَ الْخِفَّ عَنْ صَهْوَاتِهِ³ وَ يُلْوِي بِأَنْوَابِ الْعَنِيفِ الْمُثْقَلِ

¹ العقب : جري بعد جري / الجيash : الفرس الذي حركته بعقبك جاش و تزايد غدوه فلا ينقطع جريه / اهتزامه : صوته الشديد / جاش : هاج و اضطرب و غلى

² مسح : عدا جواد يصب العدو و الجري صبا / السابح : من الخيل يمد يديه في العدو و يبسطها / الوتي : الضغف و الخور و الفتور / الكديد : الارض الغليظه / الركل : المكان الذي داسته حوافر الدواب

³ الخف : الخفيف / الصهوه : مقعد الفرس الذي لا رفق معه / المثقل : الثقيل الركوب ان هذا الفرس اذا ركبته العنيف ³ المثقل رمى ثيابه و لم يتمالك ان يصلح منها و اذا ركبته الغلام الخفيف زل عنه وزلق عن ظهره فلا يستطيع ان يستقر عليه

Dalam bait ini penyair menggambarkan betapa lajunya kuda itu boleh menyebabkan penunggang yang ringan jatuh tercampak dari pelananya, manakala yang berat pula akan berterbanganlah pakaiannya di udara.

¹ دَرِيرٌ كَحَذْرُوفِ الْوَلِيدِ أَمْرُهُ تَقَلُّبُ كَفَّيْهِ بِحَيْطِ مُوَصَّلِ

Dalam bait di atas penyair merasakan yang gambarannya tidak cukup kuat untuk menggambarkan kelajuan kudanya, justeru dalam bait ini beliau masih menggambarkan kelajuan kudanya dengan membuat perumpamaan. Di mana kudanya bergerak dan berpusing laju bagaikan gasing permainan kanak-kanak yang ditarik benangnya yang bersambung ke tangan dengan cara membalik-balikkan telapak tangan. Di sini didapati ada persamaan dalam pergerakan menggerakkan gasing itu, iaitu menarik benang dengan pergerakan penunggang kuda yang menarik tali kuda ketika memacu kudanya untuk menghasilkan larian yang terpanas.

3- Gambaran Tentang Kecantikan Kuda Pemburu

² كُؤِمِيَّتٌ يَزُلُّ اللَّيْدُ عَنْ حَالِ مَتْنِهِ كَمَا زَلَّتِ الصَّفْوَاءُ بِالْمَتَنَزِّلِ

¹ الدريير : كثير الجري / الحذروف : شئ يدوره الصبي بحيط في يده فيسمع له دوي و صوت / امره : اداره . ان الفرس مدسم السير مثل الحذروف يديره الصبي بحيط موصل فوق راسه

² الكميت : الفرس ذات اللون المخالط للاسود و الاحمر وهو اصلب الخيل جلودا و حوافز / اللبد : ما يتلبد من شعر او صوف / حال المتن : موضع البدن من الفرس او اسفل الظهر / الصفواء : الحجر الصلد الضخم لا يثبت عليه شئ / المتنزل : الذي ينزل على مهله . شبه ملامسه ظهره لامتلائه باللحم و اکتنازه بالصفاء الملساء فينزل اللبد عن ظهره كما ان الصخرة الملساء ينزل عنها من اعلاها

Dalam bait yang ketiga ini penyair menerangkan sifat dan rupa bentuk kuda itu. Dari segi warnanya kudanya itu berwarna campuran daripada dua warna iaitu hitam dan merah. Kuda jenis ini merupakan kuda yang paling sasa dan paling gagah dan kuat dan ia amat sesuai digunakan dalam perburuan. Kuda ini mempunyai bulu pada badannya yang menurun dari atas ke bawah. Keadaan bulunya itu diumpamakan dengan batu besar licin yang tidak boleh lekat di atasnya apa-apa pun, dan seolah-olah ia mengelonsor turun dari atas ke bawah.

4- Sifat-sifat Lain Yang Khusus Yang Ada Pada Kuda Pemburu

لَهُ أَيُّطَلَا ظَبِّي وَ سَاقَا نَعَامَةٍ
وَ إِرْحَاءُ سَرْحَانٍ وَ تَقْرِيْبٌ تَتْفُلٍ¹

Dalam bait ini penyair menerangkan bahawa kudanya memiliki belakang yangmana kedua-dua belahnya bagaikan belakang kijang serta mempunyai kaki yang kecil dan kuat bagaikan kaki burung unta. Manakala langkah dan gerak-gerinya pula mempunyai gaya yang tersendiri yang amat sesuai untuk tujuan perburuan. Mampu bergerak bagaikan pergerakan serigala dan berlari bagaikan anak musang.

كَأَنَّ عَلَى الْكَتِفَيْنِ مِنْهُ إِذَا انْتَحَى
مَدَاكُ عُرُوسٍ ۚ أَوْ صَرَائِيَةَ حَنْظَلٍ¹

¹ الايطل:الخاصره : الارحاء : ضرب من عدو الذئب / التقريب : ان يرفع يديه معا و يضعهما معا في العدو / التتفل : ولد الثعلب . جمع في الصورة تشبيهات اربعة

Dalam bait ini pula penyair menerangkan kecantikan dan keindahan kudanya itu apabila dipandang, dengan menerangkan bahawa apabila kudanya itu membongkok akan menampakkan bahunya yang licin umpama batu penggiling solekan pengantin ataupun berkilau umpama buah hanzal (buah daripada pokok melata seakan-akan tembikai tapi jauh lebih kecil dan rasanya pahit). Kecantikan diumpamakan dengan buah *hanzal* di sini adalah dari aspek rupa bentuk dan juga kilauan cahaya. Perumpamaan bukannya dari aspek rasa buah tersebut.

5- Gambaran Tentang Binatang Buruan Sebelum Diburu

فَعَنَّ لَنَا سِرْبٌ كَأَنَّ نِعَاجَهُ عَدَارَى دُوَارٍ فِي الْمَلَاءِ الْمَذَيَّلِ²

Melalui bait ini penyair menerang dan menggambarkan bagaimana secara tiba-tiba beliau terserempak dengan sekawan binatang buruan dimana buruan-buruan mudanya adalah bagaikan sekumpulan dara berpakaian labuh berseri sedang mengililingi berhala.

¹ انتحى : عرض / المداك : الحجر الاملس الذي يسحق عليه. وخص مداك العروس لقرب عهده بالطيب / ويريد : ان يظهر الفرس املس يلمع ويبرق كانه مداك العروس او صراية الخنظل في ملامسه ظهره و صلابته و الصرايه: الخنظله الصفراء البراقه

² عن : اعرض / السرب : القطيع من الظباء و المها او النساء او القطا او الخيل / عذارى دوار : صنم كانوا في الجاهلية يطوفون حوله كالكعبة / الملاء : الريطة و الملحفة / المذيل : الثوب الذي يذيل اطول و اسبع

6- Gambaran Tentang Cara Menundukkan Buruan

فَالْحِقُّهُ بِالْهَادِيَاتِ وَدُونَهُ
جَوَاحِرُهَا فِي صَرَّةٍ لَمْ تَزَلِ¹

Dalam bait ini pula penyair menerang dan menggambarkan bahawa dengan satu jeritan sahaja beliau telah menyampaikan kudanya kepada binatang buruan itu, seterusnya mendepani dan meninggalkan binatang-binatang buruan itu di belakang tanpa dapat mengikuti yang lain dalam kumpulan.

7- Gambaran Ketika Binatang Buruan Disembelih

كَأَنَّ دِمَاءَ الْهَادِيَاتِ بِنَحْرِهِ
عُصَارُهُ حِنَاءً بِشَيْبِ مُرَجَلٍ²

Melalui bait ini penyair menggambarkan keadaan ketika menyembelih binatang buruan dengan menggambarkan darah binatang buruan itu apabila disembelih ianya mengalir bagaikan perahan inai yang menghiasi rambut uban yang bersikat.

8- Gambaran Tentang Keterojaan Pemburu

وَرُحْنَا وَرَاحَ الطَّرْفُ يَنْفُضُ رَأْسَهُ
مَتَى تَرَقَّ الْعَيْنُ فِيهِ تَسَقَّلُ³

Kami bersama dengan kuda kami terus menganggukkan kepala ke atas dan ke bawah menandakan keriang dan kegembiraan atas kejayaan pemburuan

¹ الجواحر : المتخلفات المتاخرات عن القطيع / الصرّة : الصحيحة / لم تزدل : لم تتفرق أي لحق الاوائل بالاواخر

² الهاديّات : جمع هاديّه وهي المتقدمه من البقر وغيره / العصارة : ما سال من كل شئ و اراد ما خف من عصاره الحناء على الشعر الابيض / المرجل : السرح . و خص المرجل لان الشعر اذا كان مرجلا كان اللون فيه انقى و اصفى و اشد

³ الطرف : الكريم الاطراف من الخيل ينفذ راسه ويحركه مرحا و نشطا / ترق : ترى العين أي متى نظرت الى اعلى هذا الفرس نظرت الى اسفله لتستتم النظر الى جميع جسده لكماله في الحسن

tersebut. Aku memandang ke arah kudaku ke atas dan ke bawah sebagai keterujaanku kepadanya

فَبَاتَ عَلَيْهِ سَرَجُهُ وَجِلَامُهُ وَبَاتَ بَعِيْنِي قَائِمًا غَيْرَ مُرْسَلٍ¹

Kuda itu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia untuk ditunggang dan memburu dengan pelana dan talinya terus terpasang dan terus berada dalam pengawasan tuannya sebagai tanda sayang dan penghormatan kepadanya.²

Memandangkan kepada pemburuan adalah adat resam yang telah berakar umbi dalam kalangan orang-orang Arab Jahiliyah, maka para penyair Arab memainkan peranannya dalam memberikan gambaran terhadap aktiviti ini. Dengan peranan yang dimainkan oleh para penyair itu, maka ia dapat menentukan masa dan tempat peristiwa-peristiwa tersebut berlaku.

Melalui puisi juga tahap ataupun kedudukan pemburuan dalam kalangan orang-orang Arab Jahiliyah akan dapat diukur dan ditentukan. Ataupun sekurang-kurangnya dapat diagak kepada suatu titik yang paling dekat dengan realitinya.

¹ يقول بات الفرس معدا للركوب عليه بجامه وسرجه بمراى منه لا يريد ان يغيب فلا يرسل مع الخيل يرعى الكلا و لكنه ينام بحيث يراه دائما اكراما له وضنا به. أنظر: احمد حسن الزيات، 1968، اصول الادب، وزارة الاعلام، العراق، ص89.

²Jum‘at, hlm.31.

Jadi untuk tujuan itu marilah kita sama-sama meneroka lebih jauh ke dalam puisi “Imra’ al-Qays” ini.

Imra’ al-Qays merupakan seorang penyair yang amat berketerampilan dari segi kekuatan imajinasi dan dalam memberikan gambaran terhadap sesuatu. Hasil karya dan koleksi syair beliau dipenuhi dengan berbagai-bagai deskripsi dan gambaran terhadap berbagai-bagai peristiwa yang berlaku.

Dalam membuat pemerian terhadap peristiwa-peristiwa dan tragedi-tragedi kerap sekali beliau menggunakan perumpamaan, *isti‘a:rat* dan berbagai-bagai cabang ilmu *bala:ghat* yang lain.

Beliau dianggap penyair terulung yang memberikan penekanan dalam mendeskripsikan runtuh dan peninggalan lama, memberi gambaran tentang kenangan manis bersama kekasih dengan menggunakan kekuatan imajinasinya serta melahirkannya semula ke pendengaran orang lain dalam bentuk seolah-olah hidup dan realistik.

Selain dari itu pemerianya tentang pemburuan dan kuda juga merupakan perkara yang banyak memerah kudratnya. Beliau mewarnai puisinya dengan bermacam-macam kreativitinya dalam pengungkapan perumpamaan yang boleh menghasilkan gambaran yang tepat dan berkesan.

Pemburuan merupakan suatu yang tidak lekang dari hati dan sanubarinya. Dalam menggambarkan kesungguhannya dalam aktiviti perburuan, beliau membuat pemerian tentang masa beliau keluar memburu, iaitu seawal ketika beburung masih beradu di dalam sarangnya. Seterusnya pemerian dibuat tentang keistimewaan yang dimiliki oleh kudanya. Pemerianya berterusan dengan gambaran yang tepat dan berkesan. Sehingga misinya itu berjaya sampai ke matalamat, iaitu mendapat buruan yang amat memuaskan. Ia terdiri daripada buruan muda yang disifatkan oleh sesetengah orang sebagai كَرِيمِ الْمَأْكَلِ .

Apa yang digambarkan oleh Imra' al-Qays tentang kuda perburuannya itu bukan merupakan sesuatu gambaran umum bagi masyarakat pada zaman itu. Bukan semua orang mempunyai dan memiliki kuda sebaik apa yang dimiliki oleh beliau.

Mathal berikut menggambarkan kedudukan dan keadaan binatang tunggangan itu:

يَرْكَبُ الصَّعْبَ مَنْ لَأَذُلُّوْا لَهُ¹

Maksudnya: “ Sesiapa yang tidak memiliki tunggangan yang mudah (terlatih) akan menuggang tunggangan yang susah (tidak terlatih)

Manakala dalam *mathal* yang lain pula berbunyi:

¹ al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm. 528.

قَدْ يُمْتَطِي الصَّعْبُ بَعْدَ مَا رَمَحَ / رَفَسَ¹

Maksudnya: “Kadang kala binatang tunggangan yang susah (masih liar dan belum terlatih) akan dapat ditunggang selepas dia menendang (menendang tuan yang memiliki dan melatihnya).

Dari dua *mathal* di atas didapati sukar memiliki kuda sepertimana yang dimiliki oleh Imra' al-Qays. Ia memerlukan kemahiran dalam melatih haiwan tersebut. Kadang kala kejayaan datang selepas banyak mengorbankan tenaga dan menghadapi berbagai-bagai dugaan dan cabaran. Bagi yang tidak berjaya terpaksa berpuas hati dengan apa yang ada, sepertimana yang terungkap dalam *mathal* di atas

4.5 Tujuan Perburuan Dalam kalangan Orang Arab

Perburuan pada orang Arab Jahiliyah tidaklah bertujuan semata-mata untuk mendapat daging untuk dimakan atau mengambil kulit untuk dijadikan pakaian tetapi kadang-kadang bertujuan untuk mengelakkan dari bahaya dan menghentikan bisanya.

Perburuan itu merupakan satu budaya kemasyarakatan yang merangkumi berbagai-bagai aspek. Dari satu sudut, ia menyumbang ke arah memenuhi keperluan tubuh badan atau menjauhkan diri dari kecelakaan. Dari sudut yang lain

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm.506.

pula, ia memenuhi kepuasan diri. Dalam kajian ini penulis membentangkan beberapa tujuan pemburuan yangmana ia didapati telah mempengaruhi aspek pembentukan *mathal*.

4.5.1 Tujuan Kebanggaan

Sebuah *mathal* yang telah dikatakan ataupun diungkapkan berkaitan dengan tujuan perburuan ini ialah:

مَاءٌ وَلَا كَصَدَاءٍ¹

Maksudnya: “Air tetapi tidak seperti air dari perigi Sadda:a’ ”.

Dalam *mathal* yang diungkapkan ini tidak terdapat langsung lafaz atau perkataan yang boleh dikaitkan dengan pemburuan sama ada pemburu, binatang buruan, peralatan memburu dan sebagainya. Namun cerita yang akan dikemukakan ini akan menjelaskan satu senario yang berkaitan dengan pemburuan yang menjadi sumber bagi nilai kemasyarakatan yang menjadikan si pemburu seorang yang mempunyai sifat kepahlawanan, keberanian dan pemurah. Ini seperti kisah yang diriwayatkan tentang anak perempuan kepada Ha:ni` bin Qubaysat ketika Luqayt bin Zararat (dari kabilah Da:rim) dibunuh. Salah seorang dari keluarganya telah mengahwininya. Akan tetapi suami kepada wanita itu melihatnya masih

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.267 .Lihat juga: al-Zamakhshariyy, jld. 2, hlm.339 Lihat juga al-‘Askariyy, jld. 2, hlm. 241 .

teringatkan kepada Luqayt. Lalu pada suatu ketika si suami itu berkata kepada isterinya: “Apakah yang kamu sanjung (sifat-sifat yang dikagumi) yang ada pada Luqait? Dia menjawab: “Setiap budi perkertinya baik. Dan ingin aku ceritakan padamu bahawa pada satu hari dia telah keluar memburu dan pulang kepadaku dalam keadaan pakaiannya berlumuran dengan darah buruan, sambil bau kasturi keluar dari sekelilingnya dan bau minuman (arak) dari mulutnya, dan dia memelukku dengan satu pelukan yang sejati dan menciumku dengan ciuman yang hangat. Dan aku berharap aku mati ketika itu.”¹.

Apa yang dimaksudkan si isteri itu daripada ungkapan “Dan aku berharap aku mati ketika itu” adalah menyatakan rasa kagum dan teruja yang amat sangat yang sukar digambarkan dengan ayat biasa. Ini seolah-olah dia telah mendapat segala-gala yang diperlukannya di atas muka bumi ini. Dalam keadaan yang sedemikian kematian bukanlah sesuatu yang dibenci dan ditakuti lagi.

Setelah mendengar kenyataan yang dibuat oleh isterinya, ia rasa tercabar dengan kenyataan itu. Lalu ia bertanya balik kepada isterinya: “Jadi apakah kedudukanku berbanding dengan Luqayt. Lalu isterinya mengungkapkan ماء ولا كصءاء terjemahannya ialah: “Air tetapi tidak seperti air daripada perigi Sadda:a”” Maksudnya: Engkau, wahai suami baruku, engkau tetap merupakan

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm.196.

seseorang yang kuperlukan, sama seperti aku memerlukan air dalam kehidupanku, Walau bagaimanapun engkau bukanlah merupakan sebuah perigi besar yang membekalkan air yang sedap lagi banyak seperti perigi Sadda:a'¹ .

Dapat digambarkan dari kisah tadi bahawasanya gambaran bagi seorang lelaki Jahiliyah yang diingini. Pertama ialah baju yang berlumuran darah binatang buruan hasil daripada kegiatan pemburuan. Keadaan ini selari dengan keadaan bau kasturi yang keluar dari sekelilingnya. Kaitannya dengan bau kasturi di sini adalah kerana kasturi ialah suatu jenis haruman terhasil daripada badan binatang buruan iaitu kijang, dan sememangnya mempunyai kaitan secara langsung dengan perburuan terhadap binatang itu.

Begitu juga bau arak dari mulutnya yang menjadi bau mulut yang paling merangsangkan dalam uruf atau adat orang Arab Jahiliyah. Semua ini tercetus dari sifat murah hati dan kerelaan dalam adat, tradisi dan nilai mereka. Semuanya dalam mencapai keperibadian yang sempurna seperti ciri-ciri kepahlawanan yang ada pada Luqayt bin Zararat. Begitu juga dengan rasa kerinduan yang sempurna dalam ciri-ciri pelukan dan ciuman.

Di sini walaupun kita tidak mengetahui dengan tepat apakah aktiviti pemburuan yang dilakukan oleh Luqayt itu sememangnya untuk menjadi orang yang dikagumi

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.196

dan disanjung ataupun ia dilakukan untuk tujuan-tujuan lain. Andaikan Luqait melakukannya untuk tujuan lain dan bukannya untuk mendapat sanjungan ini tidak boleh menafikan yang aktiviti pemburuan itu sesuatu yang memberikan kemegahan dan sanjungan. Dalam hal ini Luqait sendiri telahpun di sanjung.

4.5.2 Pemburuan Untuk Riadah Dan Rekreasi

Pemburuan selalunya bertujuan untuk mendapatkan binatang buruan untuk dimakan dagingnya tetapi bukan atas keperluan semata-mata. Malah sebagai menikmati kemewahan dan kebanggaan. Ini kerana ramai orang Arab Jahiliyah menganggap daging hasil buruan adalah sebaik-baik jamuan sehinggakan ramai *Mufassir* mentafsirkan kata-kata ‘Antarat *“Kari:m al-Ma’kal”* pada akhir puisinya:

¹وَلَقَدْ أَبَيْتُ عَلَى الطَّوِيِّ وَأَظْلُهُ حَتَّى أَنَالَ بِهِ كَرِيمِ الْمَأْكَلِ

Maksudnya: “Sesungguhnya aku telah menolak dan enggan melindungi al-Ta:wiyy, sehinggalah aku mendapatinya mempunyai “sebaik-baik makanan”.

Dalam konteks makanan sebenar apa yang dimaksudkan dengan كَرِيمِ الْمَأْكَلِ ialah daging binatang buruan. Ini adalah kerana daging buruan mempunyai berbagai-bagai ciri positif dan mempunyai berbagai-bagai kelebihan dan khasiat

¹al-Mawlawiyy, hlm.119.

pemakanan. Pendapat ini dikongsi bersama oleh ‘Abd al-Rahma:n Ra`fat al-Basha sepertimana yang terdapat di dalam bukunya: *al-Saydu ‘Inda al-‘Arab*¹

Sehubungan dengan ini penulis juga mempunyai satu pandangan lain terhadap perkataan كَرِيم المَأْكَل . Ungkapan ini merupakan kiasan atau *kina:yaṭ* kepada punca ataupun sumber rezeki yang baik, dan bukannya daripada aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan akhlak dan etika kehidupan sesuatu bangsa, seperti mencuri merompak dan lain-lain.

Jadi tujuan ‘Antaraṭ mengungkapkan perkataan كَرِيم المَأْكَل dalam bait puisinya itu adalah sebagai pengakuan dan pengiktirafan bahawa kaum al-Ta:wiyy bukanlah tergolong dalam golongan perompak atau penyamun. Bahkan mereka itu terdiri daripada golongan orang yang baik-baik. Walau bagaimanapun perbezaan itu bukanlah merupakan sesuatu yang bertentangan, kerana kedua-duanya membawa kepada sesuatu yang baik dan diingini.

Puisi dalam zaman Arab Jahiliyah memberi tempat dan menggambarkan suasana perburuan dengan sambutan yang tiada tolok bandingannya (hal ini sepertimana yang telah dikemukakan sebelum ini tentang Imra’ al-Qays dengan aktiviti pemburuannya). Sesungguhnya apa yang tersembunyi di sebalik sambutan ini ialah para penyair golongan raja-raja dan pahlawan dari golongan pemburu tidak

¹ al-Ba:sha, hlm.24.

hanya memberi gambaran mengenai buruan mereka saja -seperti dalam tradisi puisi Arab Jahiliyah-, malah sebahagian daripada mereka telah menggambarkan hal keadaan mereka kepada orang ramai seperti apa yang dilakukannya oleh Imra' al-Qays, walaupun mereka itu dari golongan bawahan.

Perburuan juga dikongsi antara golongan raja dengan rakyat jelata. Tetapi pemburuan bagi golongan raja berbeza dengan pemburuan bagi rakyat biasa yang membawa kepada terukapnya *mathal* :

إِنَّ غَدًّا لِنَاظِرِهِ قَرِيبٌ¹

Maksudnya: “Sesungguhnya esok bagi yang menantinya adalah dekat”.

Kisah yang berkaitan dengan *mathal* ini menceritakan bahawa al-Nu'ma:n bin al-Mundzir –seorang raja Arab zaman Jahiliyah- yang keluar untuk memburu dengan menunggang kudanya “yahmum”² untuk menjejaki keldai liar tetapi tidak dapat menjejarnya. Maka dia terpisah dari sahabat-sahabatnya dan hujan pun turun dengan tiba-tiba. Dia pun mencari tempat untuk berlindung lalu sampai ke sebuah teratak dan didapati dalam teratak itu ada seorang lelaki bersama isterinya. Lelaki itu dikatakan bernama Hanzalat dari puak Ta:iyy. Maka al-Nu'ma:n berkata kepada mereka berdua: “Bolehkah aku berlindung di sini? Hanzalat menjawab:

¹al-Mayda:niyy, jld. 1 , hlm. 121 .

² Perkataan ini memberi makna “asap yang sangat hitam”. Ini sepertimana yang terdapat di dalam surat al-Wa:qi`at: 56:43. وظل من يحموم

“Boleh.” Lalu dia keluar dan menurunkan al-Nu‘ma:n dari tunggangannya. Lelaki itu tidak mempunyai apa-apa makanan melainkan seekor kambing dan dia pun tidak mengenali al-Nu‘ma:n. Dia pun berkata pada isterinya: “Aku dapati ia mempunyai keterampilan. Sungguh tertib akhlaknya, sesuai sebagai seorang bangsawan yang disegani.” Apabila tibanya waktu pagi, al-Nu‘ma:n pun memakai pakaiannya dan menunggang kudanya dan kemudian berkata: “Wahai saudara: Mintalah balasan dariku untukmu. Aku adalah Raja al-Nu‘ma:n. Kemudian dia kembali ke rombongannya lalu menuju ke Hi:rah.¹

Kita boleh membuat kesimpulan dari kisah ini bahawa perburuan bagi golongan raja mengandung beberapa unsur yang paling menonjol, antaranya ialah:

- a) Berlebihan dalam keberanian dan kegagahan seperti dalam diri al-Nu‘ma:n tatkala mengejar keldai liar tanpa menghiraukan bahaya dan kepayahan.
- b) Cara yang teratur seperti adanya ketua rombongan, rombongan dan pasukan berkuda.
- c) Menjaga protokol adat istiadat di raja dan menjunjungnya.

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. 121

Ini dapat dilihat pada keterampilan si raja pada pakaian dan ketertibannya. Lelaki Ta:iy itu tidak mengenali al-Nu`man tetapi keterampilan sebagai seorang raja yang ada padanya membuat lelaki itu berkata kepada isterinya:

"أَرَى رَجُلًا ذَا هَيْئَةٍ وَمَا أَخْلَقَهُ أَنْ يَكُونَ شَرِيفًا خَطِيرًا"

Maksudnya; "Aku melihat dia mempunyai keterampilan dan sungguh tertib akhlaknya sesuai sebagai seorang bangsawan yang disegani."

Di sini perlu diberi perhatian kepada perburuan bagi golongan raja mempunyai berbagai-bagai-bagai tujuan. Ada untuk permainan untuk diri sendiri. Dan dalam konteks masyarakat merupakan bergaul dengan orang ramai yang meminatinya, Boleh juga dikatakan ia sebagai satu tradisi bangsa yang menarik dalam perjalanan-perjalanan untuk memburu. Di samping itu, ia juga meniru apa yang dilakukan oleh raja-raja Romawi dan Parsi yang amat meminati perburuan dan memperjeniskan perjalanan untuk memburu sebagai cara menunjukkan kehebatan, kekuatan keteguhan dan kekayaan kerajaannya secara lebih menonjol.

4.5.3 Perburuan Untuk Mendapatkan Makanan

Perburuan untuk mendapatkan makanan merupakan sesuatu yang lumrah dalam kalangan orang-orang Arab Jahiliyah. Kadang kala ia tidak terpisah daripada tujuan-tujuan perburuan yang lain. Dan menjadi sesuatu yang lumrah juga hasil tangkapan dan hasil buruan yang didapati dengan apa tujuan sekalipun sememangnya dijadikan hidangan yang dapat memenuhi keperluan jasmani.

4.6 Tingkah Laku Dan Gelagat Binatang Buruan

Memahami tingkah laku binatang banyak mempengaruhi ke arah terungkapnya sesuatu *mathal*. Orang Arab Jahiliyah didapati amat mengenali tingkah laku, gelagat dan sifat-sifat binatang sama ada binatang buruan, binatang ternakan mahupun

binatang buas. Keadaan ini adalah hasil daripada interaksi mereka dalam aktiviti-aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan binatang, seperti pemburuan, pengangkutan, pemeliharaan binatang kesayangan dan berbagai-bagai aktiviti lagi.

Keadaan ini ada kaitannya dengan persekitaran setempat. Keadaan langit yang sentiasa cerah sepanjang tahun dan keadaan sebahagian besar muka buminya gersang tidak dilitupi oleh tumbuh-tumbuhan. Ini memudahkan mereka sama ada secara sengaja atau tidak untuk menyaksikan gelagat dan tindak tanduk haiwan dalam aktiviti-aktiviti kehidupan harian mereka.

Keadaan yang seumpama inilah telah mendorong terbentuknya banyak sekali *mathal-mathal* yang berasaskan sifat-sifat binatang.

Dengan demikian terdapat banyak sekali *mathal* yang berasaskan perkataan mulia, takut, berani, cerdik, bodoh, cergas, malas, laju, perlahan, kuat, lemah dan banyak lagi sifat-sifat lain yang dikaitkan sama ada secara langsung ataupun tidak dengan sifat dan kehidupan binatang.

Sebagai perbandingan di sini penulis membawa para pembaca ke Alam Melayu dimana langitnya sentiasa mendung, hujan berlarutan yang kadang kala tanpa henti sehari suntuk, bumi hampir keseluruhannya dilitupi tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok yang tinggi-tinggi. Keadaan muka bumi dan alam semula jadi seperti ini amat serasi dengan kehidupan dan cita rasa semua jenis binatang. Jadi ia dijadikan sebagai tempat berlindung dan tempat persembunyian dari segala jenis mata yang memerhatikannya. Justeru kehidupan binatang-binatang susah untuk dilihat dan sukar untuk diperhatikan tingkah lakunya.

Keadaan yang sebeginilah menyebabkan tidak ramai orang yang mendiami kawasan ini melibatkan diri di dalam aktiviti pemburuan bersepadu. Maksudnya pemburuan untuk mendapatkan makanan, pemburuan sebagai aktiviti rekreasi, perburuan untuk menonjolkan kekuatan dan kelasakan, pemburuan sebagai aktiviti sukan dan perburuan untuk beberapa tujuan lain lagi. Apa yang terdapat di sini hanyalah beberapa cerita terpencil mengenai aktiviti perburuan yang dilakukan oleh raja-raja dan pembesar Melayu. Ini tidak menggambarkan bahawa perburuan merupakan adat dan budaya mereka.

Jadi apa yang terdapat di dunia sebelah sini bolehlah dikatakan perburuan hanya tertumpu kepada perburuan untuk mendapatkan makanan dan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Justeru, di dalam bahasa Melayu peribahasa dan *mathal* yang berasaskan kepada sifat-sifat binatang walaupun ada, ia tidaklah sebanyak yang terdapat dalam bahasa Arab.

Keperihatinan dan juga kepekaan orang-orang Arab Jahiliyah terhadap sikap dan sifat binatang (yang dapat mereka fahami dengan baik) telah digambarkan dalam *mathal* dan cerita yang akan dibentangkan nanti. Keadaan inilah yang mempengaruhi *mathal* yang berkaitan dengan pemburuan.

Di bawah ini paparkan *mathal* dan beberapa cerita yang berkaitan, dimana *mathal* tersebut dipengaruhi oleh sifat-sifat yang dikaitkan dengan binatang.

4.6.1 Sifat Mulia

أَعَزُّ مِنْ كَلْبٍ وَائِلٍ¹

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 388.

Maksudnya: “Lebih mulia daripada anjing (anjing kecil) Wa:’il”.

Nama penuh bagi Kulayb ialah Wa:’il bin Rabi:’at bin Ha:rith bin Zuhayr. Manakala perkataan Kulayb bererti “anjing kecil pun anak anjing”. Nama “Kulayb” telah melekat pada diri Wa:’il dan beliau lebih dikenali dengan nama “Kulayb” berbanding dengan nama asalnya. Beliau ialah ketua kepada kaumnya iaitu “Rabi:’at”. Antara kemuliaannya beliau melindungi dan mengawal padang rumput. Ketika di bawah lindungannya tidak sesiapa pun mendekatinya. Dan beliau melindungi binatang buruan dengan tidak berasa gentar. Apabila beliau tertarik dengan sesuatu taman semula jadi atau padang ragut, beliau akan melepaskan anjingnya di sana. Apabila anjingnya menyalak, sejauh mana sampainya atau kedengaran salakan anjingnya itu, sampai situlah padang rumput itu akan jatuh ke bawah kawalannya¹.

Berkaitan dengan cerita ini apa yang dimaksudkan dengan kemuliaan ialah kedudukan, iaitu seseorang yang mempunyai kedudukannya yang tersendiri dan disegani. Tutar katanya didengari. Suruhan dan perintahnya ditaati dan segala keputusannya tidak diingkari bahkan dihormati.

Di dalam membuat pemerhatian terhadap binatang ia tidak terhad kepada binatang-binatang besar sahaja. Bahkan perilaku dan gelagat belalang pun turut

¹ al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 388.

diperhatikan, dan didapati belalang telah dimuliakan. Diriwayatkan dalam *mathal*:

أَحْمَى مِنْ مُجِيرِ الْجَرَادِ

Maksudnya: Lebih hebat daripada pelindung belalang¹

Mengikut apa yang diriwayatkan oleh Ibn al-A'ra:biyy dari Ibn al-Kalbiyy bahawa Mudlij bin Suwayd al-Ta:iyy telah keluar dari khemahnya lalu mendapati beberapa orang dari kaum al-Ta:iyy membawa bersama mereka kantong-kantong mereka. Lalu beliau berkata: “Apa hal kamu semua?” Mereka pun menjawab: “Belalang telah mendarat di hadapan laman kamu maka kami datang untuk mengambilnya.” Beliau pun menunggang kudanya dan mengambil tombaknya seraya berkata: “Demi Allah! Tidak ada sesiapa di antara kamu yang mengganguya kecuali aku membunuhnya. Kamu melihatnya bahawa ia ada di dalam lindunganku kemudian kamu ingin mengambilnya.” Maka beliau terus menjaganya sehingga teriknya panas mentari lalu belalang itu pun terbang. Beliau pun berkata: “Sekarang hal kamu telah bertukar dari perlindunganku.”²

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm.393

²Ibid. hlm. 393.

Langkah pertama dalam perjalanan untuk memenuhi tuntutan jasad dan peribadi adalah pengetahuan yang mendalam mengenai tabiat binatang burung dan haiwan. Ia membolehkan si pemburu untuk memperkemas langkahnya.

4.6.2 Sifat Takut

Sifat takut dan kecut yang dikenal pasti oleh orang-orang Arab ketika berinteraksi dengan binatang, banyak sekali mempengaruhi pembentukan *mathal* antaranya yang berbunyi:

أَجْبَبُ مِنْ صَافِرٍ¹

Maksudnya: Lebih pengecut daripada burung safir (tong kuning)”. Diriwatikan bahawa tong kuning ialah burung yang hinggap di pohon dengan kedua-dua kakinya dan menyengetkan kepalanya sepanjang malam akibat takut tertidur yang boleh mengakibatkan dia disambar. Ia adalah jenis yang tidak membuat sarang biasa sendiri kerana sifat takutnya. Oleh sebab sifat ini juga menjadikan burung ini membuat sarang seperti kantong yang terjantai dari pokok. Sempit pintu masuknya tetapi lebar di bawahnya. Ia dijadikan tempat perlindungan kerana takut dimakan pemangsa. Dengan ini dijadikan *mathal* dalam kecerdikan juga.²

Manakala dalam *mathal* lain pula dipengaruhi oleh sifat hati-hati yang terhasil daripada perasaan takut dan kecut, *mathal* itu berbunyi:

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 184.

²Ibid, hlm.184.

أَحْذَرُ مِنْ قَرِيْبِي¹

Maksudnya: “Lebih berhati-hati daripada burung raja udang”. Mengikuti cerita bahwa burung raja udang ialah burung air yang mempunyai sifat tegas dan berhati-hati. Ia terbang di angkasa dan melihat ke bumi dengan sebelah matanya.

4.6.3 Sifat Buruk Dan Keji

Mathal-mathal berikut mengaitkan sifat buruk dan keji dengan binatang-binatang tertentu.

أَخْبْتُ مِنْ ذِيْبِ الْخَمْرِ²

Maksudnya: “Lebih jelek daripada serigala *al-Khamar*.”

Dan *mathal*:

أَخْبْتُ مِنْ ذِيْبِ الْعَصَا³

Maksud *mathal* ini ialah “Lebih jelek dari serigala *al-Ghada*.”.

Perkataan *al-Khamar* dan *al-Ghada*: adalah nama tempat di mana serigala-serigala itu hidup. Tempat dan persekitaran mampu mempengaruhi tingkah laku binatang-binatang tertentu melalui pemakanan dan juga keadaan yang terdapat di situ.

¹al-Mayda:niyy, jld.1 , hlm.228

²Ibid, jld.1, hlm. 456

³Ibid, jld.1, hlm.359.

Ini semua menunjukkan dengan jelas pengetahuan orang Arab zaman Jahiliyah mengenai tabiat haiwan. Ingin dijelaskan di sini bahawa orang Arab memberikan nama jolokan pada jenis-jenis pokok dengan jenis-jenis haiwan ternakan dengan menggabungkan kedua-dua perkara ini seperti *mathal* mereka:

¹أَرْنَبُ الْخَلَّةِ arnab al-Khallat, ²ضَبُّ السَّحَا dab al-Siha, ³ظَبِيُّ الْحَلْبِ kijang al-Halab, ⁴تَيْسُ الرَّبْلَةِ kambing jantan ar-Rablat dan ⁵قَنْقُذُ بُرْقَةِ landak Burqat dan lain-lain. Ini juga bergantung kepada persekitaran dan pemakanan dalam habitat haiwan itu. Ibn al-Khas menerangkan: ⁶أَخْبْتُ الدِّبَابِ دِنَابُ الْعَصَا “Sejelek-jelek serigala ialah serigala *al-Ghada* dan أَخْبْتُ الْأَفَاعِي أْفَعَى الْجَدْبِ sejelek-jelek ular ialah ular al-Jadab, dan أَسْرَعُ الظِّبَاءِ ظِبَاءُ الْحَلْبِ sepiantas-pantas kijang, kijang al-Halab. al-Halab ialah sebuah pokok yang manis yang menyebabkan kijang yang memakannya menjadi pantas. Dan أَبْطَأُ الظِّبَاءِ ظِبَاءُ الْحَمْضِ selambat-lambat kijang, kijang al-Hamd kerana ia masam.

Ungkapan-ungkapan di atas menggambarkan kepada kita bahawa orang-orang Arab Jahiliyah cukup teliti dalam pemerhatian mereka terhadap gelagat dan

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm. 193.

² Ibid. al-Saha ialah sejenis pokok yang menjadi makanan dab.

³ Ibid. al-Halab ialah tumbuhan yang menjadi makanan kegemaran kijang.

⁴ Ibid. al-Rablu ialah sejenis tumbuh-tumbuhan yang tumbuh subur di musim panas

⁵ Ibid. al-burqat ialah kawasan bumi yang mana permukaan tanahnya bercampur di antara batu dan pasir. Keadaan seperti ini banyak terdapat di Semenanjung Arab.

⁶ al-Mayda:niyy, jld. 1 , hlm.259 hingga 360.

perilaku binatang-binatang buruan, sehinggakan keadaan habitat dan makanan kegemaran binatang-binatang tersebut turut diperhati dan dirakamkan dalam minda mereka.

4.6.4 Sifat Pintar Dan Cerdik

Berkaitan dengan sifat cerdik dan pintar terdapat beberapa *mathal* yang menerangkan perkara tersebut. Antaranya *mathal* yang berbunyi:

أَخَذَ مِنْ ضَبٍّ¹

Maksudnya: “Lebih pintar dari dab”². Tujuan asal daripada pengungkapan *mathal* ini adalah untuk menyatakan dan menunjukkan kepada kepintaran. Namun ia juga boleh menunjukkan kepada empat perkara lain selain daripada kepintaran. Ianya menerangkan salah satu kepintaran berhelah haiwan ini yang semula jadi, yang menandingi atau hampir menandingi perancangan dan minda manusia.

Mathal ini juga membuktikan pemerhatian orang Arab Jahiliyah dengan perincian yang penuh mengenai kehidupan haiwan, seperti menunjukkan ciri kemasyarakatan haiwan yang terbentuk antara konflik dengan kepentingan. Ini

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.360.

² Dari segi fizikalnya binatang dab ini boleh digolongkan dalam keluarga biawak, tetapi kepalanya tidaklah panjang terutama sekali muncungnya pendek (kepalanya tidak terlalu jauh bezanya daripada sesumpah, badannya juga agak pendek. Manakala ekornya lebih pendek berbanding dengan ekor biawak. Ekornya besar dan menirus sedikit sahaja serta mempunyai duri yang teratur dan tumpul.

tidak termasuk lagi cara perburuan sebahagian haiwan dan cara untuk meletakkan sifat kemanusiaan ke atas haiwan serta mengembalikan *mathal* kepadanya.

Dalam penerangan *mathal* ini, berhelah bermaksud bersembunyi, maka tempat membuat helah dari *mathal* ini bermaksud sebuah kediaman dimana dia berada di dalam kediamannya untuk bersembunyi. Hal ini kerana dia bersembunyi di dalam lubangnya buat jangka masa yang lama dan jarang sekali keluar dari lubangnya itu disebabkan oleh sikap hati-hatinya.

Mengenai membuat helah pula, ialah ia mengeluarkan ekornya di permukaan lubang untuk memukul ular atau apa sahaja yang lalu di situ. Akan tetapi sekiranya datang al-Muhtarish (ular pemangsa dab)¹ dan dab itu sememangnya seakan-akan berpengalaman, maka ia akan hanya mengeluarkan separuh ekornya sahaja. Jika al-Muhtarish memasuki lubangnya ia akan memukulnya atau duduk di dalam lubangnya. Inilah yang dianggap kepintarannya membuat helah seperti kata seorang penyair:

وَأَخَذَ مِنْ ضَبِّ إِذَا جَاءَ حَارِشُ أَعَدَّ لَهُ عِنْدَ الزَّنَابَةِ عَقْرَبًا²

Maksudnya: "Lebih geliga daripada dab yang apabila didatangi *al-Muhtarish* menyediakan seekor kala di ekornya ". Hal ini kerana tempat tinggal dab tidak

¹ Ibn Manzu:r, Perkara حرش

² Abu: 'Aliyy, hlm. 194

lejang daripada kala jengking yang ada semacam kesefahaman dan saling bantu-membantu dalam mengatasi *al-Muhtarish* ini.

Keadaan dua binatang ini adalah sama dengan apa yang di dapati di negara kita iaitu antara kerbau dengan si bangau. Kedua-duanya saling mendapat manfaat.

Beberapa orang pujangga Arab mengulas: Orang Arab menyebut dab, dubuk (hyena) dan *wajar* serta kala jengking dalam pertuturan mereka dalam bentuk kiasan dalam menggambarkan sesuatu yang tersembunyi atau tersirat.

Maka dab digunakan dalam ungkapan ¹فُلَانٌ خَبُّ ضَبُّ "si anu itu adalah dab khob yang dikiaskan dengan sifat yang tersembunyi dalam hatinya yang menyembunyikan kemudharatannya seperti dab yang bersembunyi di dalam lubangnya.

Dubuk pula dijadikan *mathal* bagi tahun yang dahsyat. Hal ini kerana dubuk merupakan haiwan yang paling merosakkan antara semua haiwan. Maka mereka menyamakannya dengan tahun dahsyat yang menelan dan memusnahkan harta-benda².

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. 457.

² Abu: 'Aliyy, hlm. 195

Wajar pula haiwan yang kemerah-merahan. Sekiranya ia duduk, ia seolah-olah melekat pada bumi¹. Manakala kala jengking mereka menjadikannya kiasan kepada kejahatan yang tersembunyi, seperti dalam ungkapan mereka yang berbunyi: سَرَتْ عَقَّارِبُ فُلَانٍ maksudnya: “hilang atau terselindung jengking kala si anu”. Manakala dalam ungkapan lain pula berbunyi فُلَانٌ تَدُبُّ عَقَّارِبُهُ maksudnya: Si anu itu jengking kalanya sedang merangkak. Kedua-dua ungkapan itu digunakan untuk menyatakan keadaan seseorang yang sedang memendamkan serta menyembunyikan niat jahatnya terhadap orang lain.².

Adapun satu *mathal*:

أَزْوِي مِنْ ضَبِّ³

Maksudnya: “Lebih menghilangkan dahaga daripada dab” satu bukti pengetahuan orang Arab Jahiliyah yang terperinci mengenai hal haiwan. Hal ini dapat dilihat apabila dab itu haus, ia akan mengadap angin dan membuka mulut untuk menghilangkan dahaganya dan juga bermaksud bahawa dab tidak meminum air.

¹Abu: ‘Aliyy, hlm.195

² Ibid, hlm. 195

³al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.74 .

4.6.5 Sifat Bodoh

Berkaitan dengan sifat bodoh ini penulis mengemukakan beberapa *mathal*. Yang pertamanya ialah:

أَبْلَدُ مِنَ الثَّوْرِ¹

Maksudnya: “Lebih bodoh daripada lembu jantan”. Lembu adalah antara binatang buruan dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliyah.

Selain dari itu terdapat juga satu cerita *mathal*, iaitu cerita dongeng teladan yang menarik mengenai tiga ekor lembu jantan dengan seekor singa.²

إِنَّمَا أَكَلْتُ يَوْمَ أَكَلِ الثَّوْرُ الْأَبْيَضُ³

Maksudnya: “Sesungguhnya aku telahpun dibaham semenjak hari siputih di baham lagi”.

Walaupun cerita ini merupakan cerita dongeng dan ciptaan semata-mata, namun mengandungi unsur pendidikan yang sangat tinggi. Keadaan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan kefahaman individu yang mencipta cerita ini terhadap sikap “اللامبالاة” atau “tak kisah” yang ada pada lembu. Sikap yang sama juga

¹al-‘Askariyy, jld.1, hlm.250.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.40.

³Ibid, jld.1, hlm.40.

diambil oleh sesetengah manusia sehingga sanggup membiar dan membenarkan saudaranya sendiri dimusnahkan oleh mereka yang jelas sebagai musuhnya.

Mengenai sikap bodoh ini, dalam *mathal* lain pula ia berbunyi:

أَحْمَقُ مِنْ نَعَامَةٍ¹

Maksudnya: “Lebih bodoh daripada burung unta”.

Walau bagaimanapun “bodoh” yang dikaitkan dengan burung unta ini bukan pengkaitan yang mutlak. Dengan kata lain ia bukanlah sifat tunggal yang diberikan kepada burung ini. Hal ini kerana terdapat beberapa sifat lain turut dikaitkan dengannya.

Selain daripada itu kura-kura juga turut dikaitkan oleh orang-orang Arab dengan kebodohan, sepertimana yang terdapat dalam *mathal* ini:

أَبْلَدُ مِنَ السُّلْحَفَاءِ²

Maksudnya: “lebih bodoh daripada kura-kura”.

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.401

²al-‘Askariyy, jld.1, hlm.250

Di sini didapati orang-orang Arab cuba mengaitkan kecergasan tubuh badan dengan kecergasan pemikiran atau minda. Ini bersesuaian dengan ungkapan yang dibuat oleh pujangga Arab yang berbunyi:

العقل السليم في الجسم السليم

Maksudnya: Minda yang sempurna itu terletak pada badan yang sempurna”

Kecergasan pergerakan adalah gambaran kepada kecergasan minda.

Manakala keldai menjadi sasaran utama yang dikaitkan dengan kebodohan.

Sehubungan dengan ini terdapat *mathal* yang berbunyi:

أَجْهَلُ مِنْ حِمَارٍ¹

Maksudnya: lebih jahil (bodoh) daripada keldai.

Sifat “bodoh” yang dikaitkan dengan keldai adalah penkaitan yang hampir mutlak. Dengan kata lain ia merupakan sifat tunggal yang diberikan kepada binatang ini. Hal ini kerana tidak terdapatnya sifat-sifat lain yang berlawanan dengan perkataan bodoh yang dikaitkan dengannya. Sehubungan dengan ini al-Qur’an juga memperakui kebodohan binatang ini dalam firmanya:



¹al-‘Askariyy, jld.1 hlm.334



Maksudnya: Perumpamaan orang-orang yang dipertanggungjawabkan kepadanya Taurat, Kemudian mereka tiada memikulnya adalah **seperti keledai yang membawa kitab-kitab yang tebal**. Amatlah buruknya perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu dan Allah tiada memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.

Maksudnya: Orang-orang Yahudi itu tidak mengamalkan isi kandungannya, Antara lain tidak mengakui tentang kebenaran pengutusan Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT.

Lantaran kebodohnya keldai itu hanya tahu memikul kitab-kitab tersebut tanpa mampu mengetahui isi kandungannya. Mengikut hukum *tashbi:h al-mushabbah bih* lebih kuat daripada *al-mushabbah*.

4.6.6 Sifat Cergas

Mengenai sifat cergas ini pula orang-orang Arab mengaitkannya dengan beberapa jenis binatang, antaranya serigala dan kijang, sepertimana di dalam *mathal* yang berikut:

¹ al-Jum‘at, 62:5

أَنْشَطُ مِنْ ذَنْبٍ¹

Maksudnya: “Lebih cergas daripada serigala”

Oang-orang Arab mendapati haiwan ini sentiasa mundar-mandir dan berlegar-
legar mencari mangsanya walaupun telah berada dalam keadaan kekenyangan.
Mathal yang berbunyi أَجْوَعُ مِنْ ذَنْبٍ² bukannya bermaksud merujuk kepada
serigala yang kelaparan sahaja, tetapi ia bermaksud binatang ini tidak pernah puas
dengan kekenyangan yang ada.

Pemerhatian orang-orang Arab terhadap gerak-geri dan perilaku binatang buruan
tidak terbatas kepada siang hari sahaja, bahkan perilaku binatang itu pada waktu
malam turut diperhatikan. *Mathal* di bawah ini memberi gambaran tentang
perilaku binatang ini pada waktu bulan terang:

أَنْشَطُ مِنْ ظَنِيٍّ مُقْمِرٍ³

Maksudnya: “Lebih cergas daripada kijang yang sedang bermandikan cahaya
bulan.” Ketika bulan terang kijang-kijang lebih cergas berlari dan melompat ke
sana ke mari. Kesempatan inilah yang diambil oleh pemburu untuk menumpaskan
buruannya. Masa bulan terang merupakan masa yang paling seseai untuk
memburu kijang, kerana keadaan ini memberikan pulangan yang baik di dalam
pemburuan.

¹al-‘Askariyy, jld.2, hlm.298

²al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. 332

³Ibid, jld.2, hlm.317.

4.6.7 Sifat Malas

Berkaitan dengan sifat ini, orang-orang Arab mengaitkannya dengan harimau bintang. *Mathal*nya berbunyi:

أَنْقَلُ رَأْسًا مِنَ الْفَهْدِ¹

Maksudnya: “Lebih berat kepala daripada harimau bintang” Apa yang dimaksudkan dengan “berat kepala” ialah kuat tidur dan pemalas. Menjadi tabiat dan perangai harimau bintang, ia akan tidur dan berehat setelah mendapat habuan makanan dan berada dalam keadaan kekenyangan.

4.6.8 Sifat Laju Dan Cepat

Dari segi kelajuan dan kecepatan dikemukakan di sini dua *mathal*. Pertamanya dikaitkan dengan biawak dan keduanya dikaitkan dengan kuda:

أَسْرَعُ مِنْ تَلْمُظِ الْوَرَلِ²

Maksudnya: “Lebih laju daripada telanan biawak padang pasir”

Biawak padang pasir ini tidak berbeza dengan jelas dari segi fizikalnya dengan biawak-biawak yang terdapat di tempat-tempat lain. Mungkin ramai antara kita yang pernah melihat bagaimanakah rakusnya haiwan ini menelan makanannya sama ada terdiri daripada binatang-binatang kecil seperti katak, tikus, anak ayam dan lain-lain termasuk bangkai. Laju dan cepat dalam *mathal* di atas menunjukkan kepada kerakusan.

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm.279.

²Ibid, jld.1, hlm.527.

Dari segi penggunaannya ia tepat sekali sekiranya diguna dan ditujukan kepada manusia-manusia rakus di dalam memberikan gambaran tentang kerakusannya.

Manakala kelajuan dari segi pergerakan, sememangnya kudalah yang paling laju.

Hal ini sepertimana yang terungkap dalam *mathal* yang berikut:

أَسْرَعُ مِنْ فَرِيْقِ الْحَيْلِ¹

Maksudnya: “Lebih laju daripada pasukan berkuda”.

Pasukan berkuda sememangnya laju. Ini selain daripada sifat kuda itu sendiri, bila berlari secara berpasukan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, secara dirancang atau sebaliknya, persaingan dan perlumbaan akan wujud sesama mereka. Hal inilah yang membezakan pemacuan kuda secara bersendirian dan berpasukan.

4.6.9 Sifat Jinak

Di sini didapati sifat jinak dikaitkan dengan merpati dan anjing.

أَلْفٌ مِنْ حَمَامِ مَكَّةَ²

Maksudnya: “Lebih jinak daripada merpati Mekah”.

Selain daripada sifat jinak yang semula jadi bagi burung ini, merpati-merpati Mekah sentiasa diberi makan sama ada oleh mereka yang menunaikan haji atau

¹al-‘Askariyy, jld. 1 , hlm. 257 .

²Ibid, jld.1, hlm. 199.

penduduk setempat. Lantaran itu burung ini menjadi jinak dan senang didekati.

Perkara seumpama ini berterusan semenjak dulukala lagi.

أَلْفٌ مِنْ كَلْبٍ¹

Maksudnya: “Lebih jinak daripada anjing”

Ini merujuk ataupun dikaitkan dengan anjing peliharaan dan pemburuan.

4.6.10 Sifat Kedekut

Anjing juga dikaitkan dengan sifat kedekut dan kikir.

أَجَلٌ مِنْ كَلْبٍ²

Maksudnya: “Lebih kedekut daripada anjing”

4.6.11 Sifat Peka

Orang-orang Arab mendapati beberapa jenis binatang yang berikut mempunyai

kepekaan dalam beberapa aspek:

أَبْصَرُ مِنْ عُرَابٍ³

Maksudnya: “Lebih tajam pengelihatan daripada burung gagak”.

أَبْصَرُ مِنْ فَرَسٍ⁴

Maksudnya: “Lebih tajam pengelihatan daripada kuda”.

أَبْصَرُ مِنْ نَسْرٍ⁵

Maksudnya: “Lebih tajam pengelihatan daripada burung helang.

¹ al-‘Askariyy, jld.1, hlm.202

² Ibid, jld.1, hlm.247

³ Ibid, jld.1, hlm.240

⁴ Ibid, jld.1, hlm.239

⁵ Ibid. jld.1, hlm.239.

Helang (نسر) ialah sejenis helang yang digunakan oleh orang Arab dalam pemburuan mereka. Helang ini diajar untuk menangkap binatang buruan kecil dan juga dilatih untuk mencederakan atau membutakan binatang buruan yang besar-besar. Dari keadaan ini orang Arab mendapati bahawa helang (نسر) mempunyai penglihatan yang sangat tajam.

Didapati orang Arab Jahiliyah berpeluang untuk memerhati dengan teliti segala gelagat dan kehidupan semua jenis binatang sama ada binatang yang digunakan dalam pemburuan maupun binatang buruan itu sendiri. Pemerhatian ini tidak terhad kepada jenis-jenis binatang yang tertentu sahaja bahkan ia berlaku kepada semua jenis binatang dari sekecil-kecilnya sehinggalah kepada yang sebesar-besarnya.

Melalui perantara *mathal* kita dapati orang Arab tidak hanya mengaitkan seekor binatang itu dengan satu sifat yang tertentu sahaja, bahkan dari seekor binatang itu ditonjolkan padanya beberapa sifat. Manakala beberapa jenis binatang yang lain pula berkongsi satu sifat. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa pemerhatian dan penilaian yang dibuat oleh orang Arab Jahiliyah terhadap gelagat dan tingkah laku binatang itu merupakan sesuatu yang menyeluruh.

Kebolehpercayaan apa yang sampai kepada kita itu berasaskan kepada semua jenis binatang yang disebut yang hidup di sekitar persekitaran mereka sendiri. Mereka tidak mengada-adakan sesuatu yang tidak terdapat dalam persekitaran mereka, umpamanya sesuatu yang berkaitan dengan seladang, tenggiling, beruang, kanggaro, zirafah dan lain-lain lagi.

4.6.12 Musuh Kepada Binatang Buas

Selain daripada mengenali sifat-sifat yang dimiliki oleh setiap binatang yang hidup di persekitaran mereka, orang Arab juga banyak mempunyai pengetahuan tentang musuh bagi setiap binatang itu. Pengetahuannya yang mendalam mengenai hal keadaan haiwan juga, menjadikannya satu peraduan dan perlawanan antara satu sama yang lain akibat dari sifat semula jadi haiwan untuk mendapat rampasan dan sebagai jalan untuk mengelak dari bahaya setengah-setengah haiwan.

Dalam *mathal*:

أَفْسَدُ مِنَ الضَّبِّ¹

Maksudnya “Lebih merosakkan daripada dubuk”

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hal 462, Lihat juga:al-Zamakhshariyy: al-Mustaqa: jld.1, hlm.271, al-Asbaha:niyy, jld. 1, hlm.210. dan Ya‘aqu:b: al-Mawsu‘at, jld. 2, hlm.582.

dikatakan sekiranya bertembung serigala dan dubuk pada seekor kambing biri-biri, terselamatlah kambing itu. Hal ini kerana kedua-kedua haiwan itu akan menghalang lawannya dari kambing itu dan seperti diriwayat sebahagian daripada doa-doa mereka:

اللَّهُمَّ ضَبِّعَا وَذَنْبًا¹

Maksudnya: “Ya Allah dubuk dan serigala.”

Doa ini diungkapkan untuk tujuan supaya dikumpulkan dua jenis binatang ini. Apabila kedua-duanya bertembung mangsa akan selamat.

4.7 Kesimpulan:

Dari apa yang telah dipaparkan itu kita mendapat gambaran mengenai pemburuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dari perspektif al-Qur’an, Hadis dan juga puisi Arab. Manakala tujuan perburuan dalam kalangan orang-orang Arab tertumpu kepada tiga tujuan utama, iaitu tujuan kebanggaan, riadah dan juga tujuan untuk mendapatkan makanan. Pemerhatian dan kepekaan orang-orang Arab terhadap binatang buruan dalam aktiviti perburuan telah membawa kepada terungkapnya banyak *mathal* yang berkaitan dengan perilaku dan perangai binatang-binatang tersebut.

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm. 195.